

PM gesa syarikat persendirian senarai perniagaan di BSKL

3 - OCT 1990

KUALA LUMPUR 2 Okt. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menggesa syarikat - syarikat perniagaan milik persendirian dan keluarga supaya mengubah sikap dan mengambil langkah untuk disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Beliau berkata, sikap untuk kekal dalam perniagaan milik keluarga lambat laun akan menyebabkan syarikat tersebut tidak berkembang.

"Saya kesal, masih banyak syarikat perniagaan milik keluarga dan persendirian masih tidak mahu tampil ke hadapan untuk disenaraikan sebagai milik awam dalam BSKL," katanya

ketika berucap merasmikan Konvensyen Peluang Pertumbuhan Modal di Malaysia.

Perdana Menteri menegaskan, walaupun papan kedua BSKL dilancarkan setahun yang lalu, untuk membolehkan syarikat - syarikat kecil disenaraikan dalam BSKL tetapi sambutan terhadapnya masih dingin.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, sehingga kini cuma 10 buah syarikat kecil yang berpotensi sahaja yang disenaraikan pada papan kedua BSKL.

Beliau berkata, banyak syarikat persendirian milik keluarga yang berpotensi, layak untuk disenaraikan dalam BSKL tetapi tidak mahu berbuat demikian kerana khawatir akan kehilangan

kuasa dan pengaruh.

Bagaimanapun, beliau menegaskan dengan bertindak demikian, peluang syarikat - syarikat berkenaan untuk terus hidup pada masa hadapan adalah tipis.

Katanya, jika syarikat dan enterprise hendak terus hidup pada masa - masa akan datang, mereka mestilah bertukar kepada syarikat milik awam dan mempunyai pengurusan yang profesional.

Beliau juga menegaskan, perubahan tersebut mestilah dilakukan sebelum kematian pengasasnya itu.

"Budaya syarikat awam hendak akan memastikan bahawa sesebuah syarikat itu bukan sa-

haja akan terus wujud malah berkembang dan di Amerika, Jepun dan Eropah sesebuah syarikat yang diasaskan secara persendirian telah bertukar menjadi perbadanan raksasa kerana perubahan - perubahan dari milik persendirian kepada bentuk awam," katanya.

Di Malaysia kini cuma syarikat - syarikat keluarga yang diasaskan oleh British sahaja telah berjaya meloloskan diri mereka dari peredaran waktu, manakala syarikat kekeluargaan Cina yang mencapai kejayaan besar semasa hayat pengasasnya semuanya sudah tiada lagi," kata beliau.

Perdana Menteri menambah, keadaan yang sama akan berlaku kepada syarikat - syarikat perniagaan milik keluarga yang ada sekarang melainkan mereka menukar corak kepada syarikat awam berhad.

Ketika merujuk kepada perdagangan dalaman, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, syarikat yang disenarai dalam BSKL bertanggungjawab untuk mendedahkan dengan seberapa segera sebarang maklumat tentang kegiatan seumpama itu.

Beliau menegaskan bahawa tindakan segera untuk mendedahkan maklumat penting oleh syarikat boleh membantu mengurangkan kemungkinan berlakunya sebarang bentuk perdagangan dalaman.

Dato' Sri Dr. Mahathir menambah satu - satunya cara yang boleh mengurangkan perdagangan dalaman ialah sikap bertanggungjawab para eksekutif, pegawai dan ahli korporat.

Pihak berkuasa pula harus mengambil tindakan tegas untuk membendung amalan perdagangan dalaman.

Beliau mengingatkan bahawa sikap tamak selalunya membawa akibat buruk bukan sahaja kepada korporat tetapi juga orang perseorangan.

Perdana Menteri berkata, walaupun spekulasi dalam pasaran saham merupakan satu perkara

biasa untuk menarik minat pelabur tetapi spekulasi yang keterlaluan adalah tidak sihat.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, beliau kesal, pasaran saham di Malaysia kadang - kalanya terlalu dipengaruhi oleh khabar - khabar angin yang mendedahkan pasaran itu kepada manipulasi penyebar yang hanya mahu mengaut keuntungan atas angin.

"Malangnya ini satu perkara yang tidak seharusnya berlaku kerana yang akan menjadi mangsa ialah pemain - pemain saham kecil dan pelabur yang serius," tegas beliau.

Kata beliau, sepatutnya harga saham, berhubungkait dengan prestasi syarikat walaupun tidak dengan dividen dan kemampuan sebenar syarikat itu untuk mencapai keuntungan.